

19 JUN 1999

Akhbar-Rencana

JANGAN AMBIL MUDAH TERHADAP JIRAN, S'PURA DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Business Times, akhbar harian kewangan Malaysia, hari ini menyelar Business Times Singapura kerana menyiarkan rencana lidah pengarang yang dianggap mencampuri urusan dalaman Malaysia semalam.

Dalam lidah pengarangnya bertajuk "Don't take neighbours for granted" hari ini, Business Times Malaysia bertanya sama ada akhbar Singapura itu "mengamalkan corak kebebasan akhbar yang baru ditemui yang memberi kebebasan kepada mereka untuk mengkritik asalkan bukan terhadap kerajaan mereka sendiri."

Lidah pengarang Business Times Singapura telah menyatakan bahawa sekadar memenangi pilihan raya umum akan datang tidak akan menjadi kemuncak pencapaian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "kerana itu hanya akan berlaku jika beliau boleh meletakkan asas bagi kemajuan ekonomi Malaysia yang berterusan dalam alaf baru di bawah pasukan baru."

Akhbar itu juga berkata "masa depan Malaysia tidak menjanjikan keadaan yang begitu baik" apabila nama Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Musa Hitam disebut-sebut sebagai berkemungkinan kembali ke dalam kepimpinan Umno.

Ia seterusnya berkata Barisan Nasional dianggotai oleh parti-parti komponen yang kurang cenderung ke arah pembaharuan.

Business Times Malaysia berkata banyak rakyat Malaysia tidak menyedari bahawa anasir asing yang kerap disebut oleh Dr Mahathir sebagai pihak yang berusaha merusakkan negara tidak semestinya berada di Eropah atau Amerika.

"Yang lebih dekat lagi, mereka yang dikatakan sahabat dan jiran di seberang Tambak juga mempunyai kecenderungan untuk merosakkan apa yang diperjuangkan oleh negara ini," katanya.

Akhbar itu berkata jika editor-editor akhbar harian Singapura itu berpendapat bahawa rakyat Malaysia sepatutnya menerima sahaja pandangan mereka kononnya dirinya lebih suci, maka mereka sudah mengambil sikap ambil mudah terhadap jirannya.

Mereka juga telah memberi penilaian yang berlebihan kepada proses demokrasi di pulau mereka yang kecil itu.

"Mungkin kebanyakan pengundi Malaysia merupakan orang kampung tetapi mereka bukan bodoh. Dan yang lebih penting bagi, mereka tidak takutkan sesiapa, tidak ada sindrom 'Big Brother' (abang garang) untuk menakut-nakutkan mereka supaya mengundi bagi parti yang memerintah."

Hasilnya Malaysia mempunyai pembangkang di Parlimen, dan PAS sebagai contoh, memerintah sebuah negeri.

Singapura, kata akhbar itu, diperintah oleh Lee Kuan Yew selama 31 tahun, suatu rekod yang mungkin tidak dapat ditandingi oleh mana-mana Perdana Menteri Malaysia, tidak pemimpin MCA, MIC mahupun Gerakan.

Business Times Malaysia itu juga menarik perhatian bahawa Straits Times Singapura baru-baru ini berasa dirinya layak untuk mempersoalkan kemampuan Malaysia untuk memainkan peranan profesional dalam pasaran global.

Akhbar Singapura itu juga mendakwa kerajaan Malaysia menjadikan isu Central Limit Order Book (CLOB) sebagai "tebusan" dalam politik tempatan.

Rakyat Malaysia, kata Business Times, boleh menjangka lebih banyak lagi tindakan seumpama itu dari Singapura, "tetapi setiap perkara ada hadnya, dan diharap para editor di seberang Tambak tahu akan had mereka."

-- BERNAMA

SJ NMO

